

SIARAN MEDIA
UNTUK HEBAHAN SEGERA
TM. 122/2026

29 APRIL 2026

MISI JUALAN PELANCONGAN MALAYSIA KE INDONESIA PERLUAS PELUANG KERJASAMA STRATEGIK INDUSTRI PELANCONGAN

INDONESIA – Tourism Malaysia telah menganjurkan Misi Promosi Pelancongan Malaysia ke Indonesia yang bermula di Surabaya, diikuti Jakarta dan Medan dari 24 hingga 29 April 2026. Misi ini bertujuan memperkukuh kerjasama pelancongan antara Malaysia dan wilayah-wilayah utama Indonesia di samping mempromosikan kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026).

Delegasi Malaysia menghimpunkan 50 organisasi termasuk Penang Global Tourism (PGT), Sarawak Tourism Board (STB), Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC), Malaysia My Second Home (MM2H), agensi pelancongan, syarikat penerbangan, hotel dan resort, hospital serta pemilik produk pelancongan. Penyertaan yang menggalakkan ini mencerminkan komitmen berterusan Malaysia dalam memperluas kerjasama strategik serta mempererat hubungan dengan penggiat industri pelancongan Indonesia.

Misi ini turut menyaksikan kehadiran YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia di Jakarta sekaligus menegaskan kepentingan strategik pasaran Indonesia. Program ini merangkumi majlis makan malam gala, diikuti seminar dan sesi *travel mart* yang memberi tumpuan kepada kempen VM2026 serta program MM2H, di samping sesi libat urus berimpak tinggi bersama penggiat industri pelancongan di setiap bandar bagi memperkukuh kerjasama serta meneroka peluang baharu.

Sebagai sebahagian daripada usaha promosi, turut diadakan Program Promosi Gastronomi dan Kebudayaan Malaysia yang berlangsung dari 23 April hingga 2 Mei 2026 di The Westin Surabaya, Le Méridien Jakarta dan Grand Mercure Maha Cipta Angkasa Medan. Program tersebut mengetengahkan keunikan warisan kulineri Malaysia melalui hidangan ikonik seperti Laksa Sarawak, Laksa Nyonya, Char Kway Teow, *Penang Asam Laksa* dan *Chicken Kut Teh*, sekali gus memperkukuh daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan berasaskan budaya dan lestari.

Bersempena misi ini juga, Batik Air bertindak sebagai rakan strategik penerbangan dalam menyokong keterhubungan yang lebih baik antara Malaysia dan bandar-bandar utama Indonesia termasuk Surabaya, Jakarta dan Medan. Kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama dalam meningkatkan kemudahan perjalanan serta merencanakan aliran pelawat antara kedua-dua negara.



Penganjuran misi jualan ke Indonesia ini merupakan inisiatif penting dalam memperkukuh hubungan dua hala Malaysia–Indonesia sempena VM2026, di samping mewujudkan nilai tambah kepada industri pelancongan kedua-dua pasaran serta meningkatkan ketibaan pelawat dalam tempoh jangka pendek dan sederhana.

Tourism Malaysia kekal komited untuk meneroka peluang baharu serta mempergiat usaha promosi di bandar-bandar utama Indonesia bagi memastikan pertumbuhan pelancongan yang mampan. Dengan sokongan berterusan daripada penggiat industri tempatan dan antarabangsa, Malaysia bersedia menawarkan pelbagai pengalaman pelancongan unik, seterusnya memperkukuh hubungan dua hala dalam menjayakan kempen Melawat Malaysia 2026.

– TAMAT –

Mengenai Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Agensi ini bertanggungjawab mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan dan sejak penubuhannya telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh kedudukan serta daya saing negara di persada pelancongan global.

Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan lestari selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan menonjolkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya serta produk pelancongan negara, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang kepada komuniti tempatan serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial di Facebook, Instagram, X, YouTube dan TikTok.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Muhammad Zaki Talib
Timbalan Pengarah
Bahagian Promosi Antarabangsa (Asia Tenggara)
zaki@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8253

Norshariza Mohd Saad
Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
norshariza@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8775

